

SKIM FELLOWSHIP UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

- JABATAN PENDAFTAR
 - SAINS KOMPUTER
 - KEJURUTERAAN
 - TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
 - PENGURUSAN & PERNIAGAAN
 - SAINS MATEMATIK
 - SAINS GUNAAN
 - BIOTEKNOLOGI
 - MATEMATIK & STATISTIK
 - SAINS SOSIAL
 - KESELAMATAN & KESIHATAN

KELAYAKAN:

BIDANG PENGAJIAN : KEJURUTERAAN / TEKNOLOGI KEJURUTERAAN / PENGURUSAN & PERNIAGAAN / SAINS KOMPUTER / SAINS MATEMATIK / SAINS GUNAAN / BIOTEKNOLOGI / MATEMATIK & STATISTIK / SAINS SOSIAL / KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN / BAHASA / KEMANUSIAAN

TERBUKA UNTUK WARGANEGARA SAHAJA

PERINGKAT PENGAJIAN : DOKTOR FALSAFAH

TEMPOH PENGAJIAN : 3 TAHUN

TEMPAT PENGAJIAN : PENGAJIAN DALAM NEGARA SAHAJA

*Pilihan institusi seperti di bawah:

a) Semua Universiti Awam dalam negara;

b) Universiti berkaitan Kerajaan seperti berikut:

1. Universiti Teknologi Petronas (UTP);
2. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN);
3. Universiti Multimedia (MMU); dan
4. Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

c) Kampus Cawangan Luar Negara seperti berikut:

1. Monash Universiti Malaysia;
2. University of Southampton Malaysia;
3. University of Nottingham Malaysia;
4. University of Reading Malaysia;
5. Curtin University Malaysia;
6. Heriot-Watt University Malaysia;
7. Swinburne University of Technology Sarawak Campus.

JENIS PEMBIAYAAN

1. Yuran pengajian
2. Elaun Peribadi (Bulanan) - RM2,500 sebulan
3. Elaun Sara Hidup (Bulanan) - (RM800 / RM900- Tertakluk kepada lokasi pengajian)
4. Elaun Buku (Tahunan)
5. Elaun Alat perkakas (Tahunan)
6. Elaun Tesis (Akhir Pengajian) – (RM6,000)
7. Elaun Penempatan (Selain pengajian di UMPSA) – (Awal pengajian)
8. Elaun Akhir Pengajian (Selain pengajian di UMPSA) – (Akhir pengajian)
9. Elaun Bantuan Sewa Rumah (Kadar keluarga) (Selain pengajian di UMPSA) – (Bulanan) – (Berdasarkan kategori)
10. Elaun Bantuan Keluarga (Selain pengajian di UMPSA) – (Bulanan) – (Berdasarkan kategori)

***Tertakluk kepada ketetapan pihak Pengurusan UMPSA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berkuat kuasa.**

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN SKIM FELLOWSHIP

Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Kelayakan Akademik Calon mesti memiliki latar belakang akademik yang cemerlang seperti berikut:

1. Ijazah Sarjana Muda: Lulus dengan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tinggi (2nd Class Upper) atau CGPA 3.00 ke atas; DAN
2. Ijazah Sarjana (Master): Memiliki Ijazah Sarjana yang diiktiraf; ATAU
3. Sedang Melanjutkan Pengajian: Calon sedang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan berada di Semester 1 dalam bidang yang ditawarkan.

2. Penguasaan Bahasa (Peringkat SPM)

- Mendapat keputusan Kepujian bagi subjek Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3. Kecekapan Bahasa Inggeris (IELTS/TOEFL)

- Mempunyai keputusan ujian IELTS atau TOEFL yang masih sah laku, tertakluk kepada syarat kemasukan universiti pengajian (*University Entry Requirement*).
- Nota Penting: Tempoh sah laku sijil IELTS/TOEFL adalah dua (2) tahun sahaja dari tarikh ujian.

4. Had Umur

- Berumur **tidak melebihi 43 tahun** pada tarikh permohonan (Tertakluk kepada sebarang pindaan semasa daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi - KPT).

5. Kertas Cadangan Penyelidikan (Proposal)

- Calon wajib mengemukakan kertas cadangan penyelidikan (*research proposal*) yang lengkap bagi tujuan penilaian ketersediaan dan kesesuaian bidang pengajian dengan keperluan universiti (Rujuk lampiran format penyediaan proposal penyelidikan)

TERMA PELANTIKAN DAN IKATAN PERKHIDMATAN (SKIM FELLOWSHIP UMPSA)

Berikut adalah syarat-syarat kritikal mengenai pelantikan ke jawatan tetap dan tempoh perkhidmatan yang wajib dipatuhi oleh calon Fellow:

1) PELANTIKAN KE JAWATAN AKADEMIK UMPSA

Pelantikan Fellow sebagai Pensyarah Universiti di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) adalah bukan secara automatik dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. **Pematuhan Tempoh Pengajian:** Fellow hendaklah menamatkan pengajian dengan jayanya dalam tempoh yang telah diluluskan oleh pihak UMPSA.
2. **Prestasi Akademik:** Pelantikan rasmi tertakluk kepada pencapaian akademik semasa pengajian dan perakuan senat universiti tempat pengajian.
3. **Hak Universiti:** Pihak UMPSA berhak untuk tidak melantik Fellow ke jawatan Akademik (Pensyarah Universiti) serta menuntut ganti rugi sekiranya Fellow didapati:
4. Gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan; atau
5. Tidak memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Universiti; atau
6. Melanggar mana-mana syarat dalam perjanjian Skim Fellowship.

2) TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN (SERVICE BOND) DI BAWAH SKIM FELLOWSHIP

Fellow yang telah berjaya dilantik sebagai kakitangan akademik akan tertakluk kepada ikatan kontrak perkhidmatan bersama UMPSA seperti ketetapan berikut:

1. **Tempoh Ikatan perkhidmatan:** Maksimum tujuh (7) tahun.
2. **Tarikh Kuat Kuasa:** Pengiraan tempoh ikatan bermula secara rasmi dari tarikh lantikan ke jawatan Akademik (Pensyarah Universiti) di UMPSA, bukan dari tarikh mula pengajian Skim Fellowship.
3. **Tempoh ikatan Perjanjian:** Fellow adalah terikat sepenuhnya dengan segala terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian Skim Fellowship UMPSA dan prosedur Skim Fellowship yang berkuat kuasa. Kegagalan mematuhi tempoh ikatan ini boleh menyebabkan tindakan penalti atau tuntutan ganti rugi dikenakan terhadap pegawai

Panduan Menulis Cadangan Penyelidikan : ([Panduan](#))

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 08/05/2026

TARIKH TUTUP : 12/05/2026